

Iasnin – 24 Ogos 2020

Halaman : 19

Harian Metro | Iasnin 24.08.2020

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 19

lokal

Nasihat buat wanita Orang Asli

Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Wanita Orang Asli khususnya di pedalaman daerah ini dinasihatkan supaya tidak mudah terpengaruh dengan janji manis lelaki warga asing untuk berkahwin.

Sebaliknya, mereka perlu menjaga maruah diri sebelum berdepan masalah ‘digantung tidak bertali’ apabila lelaki warga asing itu pulang ke negara asalnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, perkara itu terletak pada pilihan wanita kaum itu sendiri.

Beliau berkata, sebahagian lelaki warga asing hanya mengambil kesempatan ketika tinggal sementara di negara ini dan mungkin ada perkahwinan mereka tidak diakui.

“Wanita Orang Asli perlu ada saluran yang boleh me-

Menteri syor jaga maruah diri elak diperalat lelaki warga asing



SITI ZAILAH (tengah) ketika melawat pameran sempena Program Turun Padang Negeri Kelantan di Dewan Serbaguna, Ladang Sungai Terah, Gua Musang.

yakinkan untuk mendirikan rumah tangga dengan cara sah supaya mudah mendapat pembelaan.

“Kami di kementerian tidak mempunyai kuasa untuk menghalang pilihan mereka mendirikan rumah

tangga dengan lelaki warga asing yang tinggal sementara di negara ini.

“Ini kerana ia perlu me-

nerusi proses dan banyak agensi lain yang berkaitan,” katanya selepas perasmian Program Turun Padang Edi-

si Negeri Kelantan di Dewan Serbaguna, Ladang Sungai Terah, Gua Musang, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohd Syabuddin Hashim; Adun Nenggiri, Ab Aziz Yusof dan Adun Paloh, Amran Ariffin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ramai wanita Orang Asli di sekitar Lojing, Gua Musang berkahwin dengan lelaki warga asing.

Baru-baru ini, akhbar ini mendedahkan hampir 50 daripada lebih 100 wanita Orang Asli yang berkahwin dengan lelaki warga asing digantung tidak bertali.

Ini kerana lelaki warga negara Indonesia, Bangladesh dan Pakistan yang mendirikan rumah tangga dengan Wanita Orang Asli itu pulang ke negara asalnya.

Siti Zailah berkata, wanita Orang Asli yang belum membuat pilihan suami dinasihatkan supaya menjauhi daripada bercinta dengan lelaki warga asing.